

Empat sebab orang muda **muflis**

Pinjaman peribadi, kereta, rumah dan perniagaan melangkaui kemampuan undang kebangkrutan

Oleh Sri Ayu Kartika Amri

kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Membuat pinjaman peribadi dan kereta menjadi penyebab utama terjadinya kebangkrutan golongan muda bagi memenuhi keperluan gaya hidup yang melangkaui kemampuan mereka.

Pakar Kewangan Islam dan Fintech Muhamad Fahmi Mustafa berkata, mengikut statistik, terdapat empat penyebab kebangkrutan paling tinggi iaitu pinjaman peribadi, pembelian kereta, pinjaman perniagaan dan pinjaman perumahan.

Katanya, tiga daripada penyebab ini adalah berkaitan pinjaman yang mempunyai hubungan yang sangat tinggi kepada gaya hidup golongan belia.

"Bagi tempoh 2018 hingga September 2022, jumlah bankrap atau muflis yang ditadbir adalah 47,929 dan daripada jumlah itu, 10,378

adalah mereka yang berumur antara 34 tahun dan ke bawah.

"Manakala mereka yang berumur 35 hingga 44 tahun mewakili kira-kira 37.38 peratus atau 17,917 orang yang muflis.

"Kes muflis sebenarnya mengalami penurunan dari segi kes, tetapi ini bukanlah disebabkan kes itu benar-benar menurun, tetapi disebabkan takrifan semula nilai ambang kebangkrutan kepada

RM100,000 daripada RM50,000 sebelum ini.

“**Mereka yang berumur 35 hingga 44 tahun mewakili 37.38 peratus**
Fahmi

"Berbalik kepada punca kebangkrutan, kita boleh lihat pembelian yang membabitkan gaya hidup dan pelaburan yang kurang pasti, contohnya pembelian rumah yang di luar kemampuan sebenar menyumbang kepada golongan ini muflis," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, bagi kenaikan harga rumah sebenar-



Pembelian yang membabitkan gaya hidup dan pelaburan yang kurang pasti, contohnya pembelian rumah yang di luar kemampuan sebenar menyumbang kepada golongan ini muflis"

Muhamad Fahmi



nya tidaklah berada di kadar yang 'agresif' seperti yang digembar-gembur, malah jumlah rumah sekarang boleh dikatakan sudah *oversupply*.

Muhammad Fahmi berkata, oleh itu pembelian aset jangka masa panjang seperti ini haruslah dipertimbangkan daripada pelbagai faktor

sebelum membuat keputusan memohon pinjaman dan membeli aset.

Menurutnya, ketika diambang muflis, golongan ini perlu segera mendapatkan khidmat nasihat

daripada institusi sepatutnya seperti Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) dan turut serta dalam program yang dirancang oleh AKPK.

"Bagaimanapun, jika sudah muflis, golongan ini perlu mengikuti nasihat daripada Jabatan Insolvency Malaysia (MDI) dan jangan abaikan peringatan serta sentiasa membuat tindakan susulan dengan MDI kerana mereka hendak membantu kita keluar daripada status muflis terabit," katanya.

Kelmarin, Menteri Belia

dan Sukan, Hannah Yeoh menyatakan akan melaksanakan inisiatif terbaharunya dalam usaha membantu golongan belia berdepan masalah muflis menerusi Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Ini berikutan berdasarkan maklumat MDI, jumlah kes muflis membabitkan belia di negara ini menunjukkan trend penurunan dalam tempoh tiga tahun sejak 2020 iaitu sehingga Jun lalu adalah 10,137 orang.

Penurunan kes muflis bagi belia berumur bawah umur 25 tahun merekodkan 21 orang pada 2020 dan turun kepada 20 orang pada 2021, manakala hanya enam orang direkodkan sehingga Jun lalu.

PELBAGAI faktor perlu dipertimbangkan sebelum memohon pinjaman dan membeli aset untuk mengelakkan risiko kebangkrutan.